

UCAPAN OLEH Y.A.B. KETUA MENTERI, PULAU
PINANG DI UPACARA MENANAM TIANG ASAS
PROJEK PERUMAHAN MURAH TAMAN BROWN PADA
HARI RABU, 10HB OGOS, 1977 JAM 4.30 PETANG

Tuan Yang Terutama, Yang Di Pertua Negeri, Tun
Datuk Haji Sardon bin Haji Jubir,

Yang Amat Berbahagia Toh Puan Datuk Hajjah Sadiyah,

Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kemajuan
Perkampungan, Dato Michael Chen,

Yang Berhormat Encik David Choong, Pengerusi Jawatan-
Kuasa Kemajuan Perumahan Negeri,

Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan,

Yang Berhormat Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri,

Dzif-dzif Terhormat, Tuan-tuan dan Puan-Puan.

Bagi pihak Kerajaan Negeri, saya mengucapkan
setinggi-tinggi terima kasih kepada Tuan Yang Terutama,
Tun Datuk Haji Sardon bin Haji Jubir kerana telah
berkenan untuk meresmikan upacara Menanam Tiang Asas.
Kehadiran Tuan Yang Terutama, Yang Di Pertua Negeri

dan Yang Amat Berbahagia Toh Puan Datuk Hajjah Sadiah menandakan betapa penting dan bermakna upacara ini. Kita berasa sungguh gembira kerana Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, Datuk Michael Chen dapat bersama-sama kita pada hari ini.

2.

2. Di bawah Rancangan Malaysia Ketiga, Kerajaan Negeri akan melancarkan satu rancangan perumahan yang komprehensif untuk rakyat-rakyat di Pulau Pinang. Menjelang akhir tahun, lebih 2000 unit rumah-rumah sedemikian akan disediakan. Dibawah Rancangan Malaysia Ketiga, kumpulan wang sebanyak \$34.442 juta telah diuntukkan bagi maksud perumahan. Saya ingin mengambil peluang ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan atas kerjasama rapat yang telah diberikan oleh beliau kepada Kerajaan Negeri dalam menentukan supaya projek projek

dibawah Rancangan Malaysia Ketiga dapat dilaksanakan mengikut jadual.

3. Adalah dipersetujui bahawa dalam separuh peringkat tempoh perlaksanaan, Kerajaan Negeri akan membina sekurang-kurangnya setengah daripada jumlah yunit-yunit rumah. Tetapi kini kita boleh menjangkakan bahawa kita bukan sahaja dapat menjalankan rancangan kita mengikut jadual tetapi juga dapat mempesatkan lagi rancangan dengan syarat kumpulanwang yang di-
untukkan bagi perumahan adalah disalurkan kepada Kerajaan Negeri dengan seberapa awal yang boleh.
4. Rancangan Perumahan Negeri bukan sahaja akan melibatkan pembinaan yunit-yunit rumah seperti yang tersebut dalam Rancangan Malaysia Ketiga tetapi juga lain-lain rancangan sampingan yang dikendalikan oleh Kerajaan Negeri khususnya di Kawasan Rumah-Rumah Peralihan

dan "High Density Housing". Ini telah dapat dijayakan melalui kerjasama Yang Berhormat Menteri Persekutuan dan kita harap \$5 juta yang telah dipersetujui bagi projek ini akan dapat diuntukkan dengan segera.

5. Walaupun rancangan pembinaan rumah ini adalah satu rancangan yang luasa dan tujuan Kerajaan Negeri ialah untuk memajukan lagi kemampuan membina kira-kira 5,000 yunit rumah tiap-tiap tahun namun keperluan rakyat kita untuk mendapat tempat perlindungan khususnya kumpulan yang berpendapatan rendah, adalah amat banyak. Oleh yang demikian, Kerajaan Negeri berharap sektor swasta akan tampil ke hadapan untuk menambahkan usaha-usaha Kerajaan dalam membina rumah-rumah yang lebih banyak bagi rakyat kita dan dengan itu mengekalkan taraf hidup mereka di Negeri kita.

6. Adalah ditaksirkan oleh Konsultan-Konsultant Pelan Induk (Master Plan Consultant) Mr. Robert Nathan Associateson sejak 1969, bahawa keperluan taksiran untuk perumahan di dalam Negeri adalah sebanyak lima ribu (5000) yunit. Dari ini kita boleh memandangkan bahawa jika Kerajaan Negeri dapat memperolehi keupayaan untuk membina sekurang-kurangnya lima ribu (5000)yunit setahun, maka ini akan memakan masa selama sepuluh (10) tahun, sebelum kita dapat menyelesaikan masalah penduduk berkelompok di Negeri ini.

7. Adalah menjadi cita-cita dan hasrat Kerajaan untuk meneruskan pembangunan sektor pembinaan sehingga keperluan-keperluan rakyat tercapai. Buat masa sekarang, saya menyeru

rakyat bekerjasama rapat dengan Jawatankuasa Perumahan di bawah Pengerusinya Y.B. Encik David Choong, khususnya di Peringkat awal rancangan perumahan kita, untuk menentukan bahawa peruntukan perumahan ini dapat dicapai dengan seberapa licinnya.

8. Kerajaan telah menyatakan bahawa keutamaan akan diberi kepada golongan yang terlibat atau diubah oleh projek-projek pembangunan Kerajaan, dan kepada golongan yang berpendapatan rendah. Suatu sistem markah sedang dipertimbangkan oleh Jawatankuasa tersebut untuk menentukan bahawa peruntukan akan menemui objektif-objektif itu.

9. Kerajaan sedar bahawa dengan rancangan pembangunan perumahan yang bermula di berbagai-bagai kawasan pusat seperti Bayan Baru, Telok Kumbar, Jalan Pondok Upeh Balik Pulau, Seberang Jaya, Jawi, Kuala Muda dan Bagan Ajam. Namun di beberapa kawasan adalah jelas peruntukan-peruntukan ini terpaksa mengikut dengan telitinya corak demografi tempat atau kawasan berkenaan. Adalah nyata bahawa pembangunan perumahan seperti di Kuala Muda, hampir seratus peratus (100%) rumah-rumah itu akan diuntukkan kepada Bumiputra, kerana ini akan mencerminkan corak demografi di kawasan itu, sedangkan di bawah pertimbangan yang sama, perumahan di kawasan Weld Quay mungkin diuntukkan mengikut penduduk yang tinggal di kawasan itu.

10. Ini memerlukan usaha teliti bagi Kerajaan dan persefahaman bagi rakyat untuk menentukan bahawa peruntukkan perumahan yang didirikan oleh Kerajaan dapat menemui objektif-objektif kita dengan berkesan supaya dapat memuaskan keperluan-keperluan rakyat yang berkenaan. Memang benar setelah matlamat keseluruhan perumahan tercapai semua lapisan rakyat kita dapat merasai kepuasannya. Dengan ini masalah peruntukan akan dikurangkan apabila kita menambahkan keupayaan untuk mendirikan lebih rumah.

11. Adalah penting bahawa dengan adanya rancangan pembangunan rumah yang raksasa ini

rakyat kita harus memahami iaitu Kerajaan sedang berusaha sedaya upaya untuk menemui keperluan mereka. Mereka mestilah sabar supaya apa-apa projek perumahan yang dilaksanakan boleh diuntukkan kepada mereka dengan seberapa adil dan saksama yang boleh. Mereka mestilah selalu bekerjasama dengan Kerajaan untuk menentukan supaya aspek kemajuan sosial-ekonomi kita dapat dilaksanakan secara teratur. Jadi tidaklah perlu lagi bagi sesiapa membina rumah-rumah secara haram. Kerajaan Negeri akan mengambil tindakan tegas disisi undang-undang terhadap mereka-mereka yang terlibat dalam mengeksploitasikan keperluan rakyat dengan membina rumah-rumah haram.

12. Pada hari ini, kita bersama-sama berkumpul di sini untuk menyaksikan permulaannya satu daripada projek-projek perumahan murah di bawah pembangunan perumahan yang raksasa. Projek Perumahan Murah Bukit Gelugor meliputi kawasan seluas 25.6. ekar dengan 1,000 yunit rumah apabila disiapkan. Peringkat I projek akan siap dalam bulan Mei, 1978 dengan 200 yunit yang terdiri dari lima blok rumah pangsa yang berharga \$2.16 juta.

13. Selain daripada menguntukkan rumah-rumah kesemua projek ini akan dilengkapi dengan kemudahan sibiik dan sosial yang mencukupi seperti taman-taman permainan, pusat membeli-belah dan lain-lain kemudahan untuk menjamin mutu hidup

yang baik bagi penduduk-penduduk baru di bawah Rancangan Perumahan Negeri.

14. Kerajaan akan mengukuhkan usahanya dalam rancangan perumahan dengan mengkaji semula pentadbiran mengawal Perumahan Murah untuk memperbaiki lagi pengurusan. Menjelang akhir Rancangan Malaysia Ketiga adalah dijangka lebih daripada 10,000 yunit akan diuruskan oleh Agensi-Agensi Kerajaan. Adalah mustahak bagi Kerajaan mengekalkan semangat kerjasama yang erat serta memupuk penyertaan yang lebih aktif di kalangan penduduk-penduduk yang mendiami di kawasan-kawasan perumahan baru ini untuk mengujudkan sebuah masyarakat yang berdikari dan bersatupadu.

15. Kerajaan Negeri telah ber cadang terhadap penubuhan satu Pihak Berkuasa atau Lembaga Perumahan Negeri yang akan dapat menguruskan hal perumahan dengan lebih efisien dan berkesan yang mana masih menjadi tanggungjawab Kerajaan Negeri. Saya harap Yang Berhormat Menteri akan membuat keputusannya tidak lama lagi untuk membenarkan penubuhan satu Pihak Berkuasa sedemikian. Kita telah pun membincangkan perkara ini buat beberapa masa dan sekarang lebih banyak yunit rumah-rumah telah pun dibina. Maka adalah wajib supaya satu organisasi yang berkesan dapat ditubuhkan untuk mentadbir dan menguruskan hal-hal berkenaan dengan perumahan.

16. Kerajaan akan membina Rumah-Rumah Peralihan diatas tapak-tapak yang telah dikhaskan untuk maksud ini. Bersambongan dengan Projek Perumahan Bukit Gelugor sahaja, 140 yunit rumah-rumah peralihan akan dibina. Kerajaan sedang giat melaksanakan Rancangan Rumah-Rumah Peralihan dan saya harap sejumlah \$5 juta yang dijanji oleh Pihak Berkuasa Persekutuan bagi maksud ini akan diberi dengan segera. Saya percaya Yang Berhormat Datuk Michael Chen, Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan akan terus memberi sokongan beliau terhadap rancangan-rancangan perumahan di dalam Negeri kita.

17. Sekarang dengan sukacitanya saya

mempersilakan Tuan Yang Terutama Yang di Pertua Negeri, Tun Datuk Haji Sardon bin Haji Jubir untuk meresmikan upacara menanam tiang asas.